

Malaysia kongsi rahsia kejayaan dengan 18 negara Afrika

Um - 22/8/2006

BANGI 21 Sept. - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Malaysia akan berkongsi faktor-faktor kejayaannya dengan 18 menteri kewangan negara-negara Afrika yang bakal menghadiri persidangan di sini.

Beliau berkata, Malaysia tidak berca-dang 'bersyarah' kepada mereka mengenai butiran faktor-faktor tersebut tetapi mahu mereka menimbangakan apa yang sesuai untuk diguna pakai di negara masing-masing.

Perkara ini, katanya, telah diutarakan kepada Presiden Bank Dunia, Paul Wolfowitz, semasa kunjungannya ke atas beliau pagi ini.

"Saya bertemu dengan Wolfowitz tadi dan dia memaklumkan kepada saya yang dia berterima kasih kepada Malaysia kerana menganjurkan persidangan yang memberi peluang kepada mereka mengetahui secara lebih mendalam kejayaan dan pengalaman dilalui serta dicapai oleh kita.

"Saya beritahu Wolfowitz bahawa kita boleh terangkan apa kejayaan dan faktor-faktor menyebabkan kita mencapai kejayaan dan sebagainya tetapi kita tidak mahu dianggap sebagai bersyarah.

"Kita menampilkan Malaysia sebagai satu contoh dan terpulang kepada mereka menimbangakan yang mana boleh diterima atau diguna pakai ataupun membuat apa-apa perubahan atau ubahsuai kepada apa yang telah kita lakukan, yang mengambil kira situasi dan keadaan sebenar di negara masing-masing," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar sempena Majlis Pelancaran dan Penyampaian Bantuan Amanah Saham Bumiputera (ASB) Sejahtera di sini hari ini.

Mengenai kunjungan hormat rakan sejawatnya dari Mauritius, Ramakrishna Sithanen pula, Najib berkata, beliau telah menyuarakan hasrat mendapat lebih banyak pelaburan daripada tokoh-tokoh korporat Malaysia.

"Mereka telah memberi pakej baru untuk pelabur di Mauritius.

"Pakej ini sangat menarik dan beliau berharap kita boleh gunakan Mauritius sebagai pintu masuk ke negara-negara Afrika," katanya.